



ANANGLANGKA dan anaknya Nuradieana.



ADIK beradik kembar Sharifah Rozhiah dan Sharifah Rodhiah.



CHONG ... Penerima Anugerah Pelajar Diraja.



MOHAMED Arif

Usia bukan penghalang capai kejayaan, kata Ananglangka

NST 27.11.2011 3-4

KOTA KINABALU: Usia bukan penghalang untuk mencapai kejayaan, kata Ananglangka Md Kassim, 55, seorang daripada 16 graduan Ijazah Doktor Falsafah.

Apa yang paling menggembirakan ibu kepada lima orang anak ini ialah pada konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ini, dia berkongsi kegembiraan bersama anak perempuannya Nuradieana Afiza Abd Hamid, 26, yang turut menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ekono-

mi.

“Ketika saya menerima Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling pada tahun 2005 saya berkongsi kegembiraan dengan anak lelaki saya Andie Azizan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dengan Kepujian (Pengurusan Kewangan dan Perbankan).

“Ini satu kebanggan saya sebagai seorang ibu kerana berjaya mendidik anak-anak sehingga mencapai tahap akademik yang diharapkan oleh setiap ibu bapa dan bersama-sama dengan mereka merai-

kejayaan,” katanya ketika ditemui selepas majlis Konvokesyen itu di Dewan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Ananglangka yang bertugas sebagai guru kaunseling di SMK Perempuan Likas sering menerima undangan untuk memberikan ceramah motivasi di seluruh negeri.

Lihat Muka 4

Mengimbas kenangan sekitar tahun 1960an, beliau berkata, kebanyakan ibu bapa di kampungnya lebih menggalakkan anak-anak perempuan mereka melakukan kerja-kerja di rumah seperti memasak tetapi ibu bapanya menggalakkan mereka pergi sekolah dan belajar bersungguh-sungguh.

"Ibu bapa saya melihat pendidikan adalah sesuatu yang amat berharga kerana dengan pendidikan seseorang boleh mencari pekerjaan dan gaji yang lebih baik untuk mempertingkatkan taraf hidup ekonomi keluarga.

"Kedua ibu bapa saya adalah orang susah, oleh itu saya bertekad untuk belajar bersungguh-sungguh dengan satu matlamat iaitu ingin mengubah taraf hidup kami... selagi hayat dikanung badan saya akan terus belajar dan memberikan dorongan serta galakan kepada anak-anak supaya mendapat pendidikan tinggi seterusnya mendapat pekerjaan yang lebih baik," katanya.

Konvokesyen UMS kali ke-13, turut melakar sejarah tersendiri kepada dua beradik kembar iaitu Sharifah Rozhiah dan Sharifah Rodhiah Syed Mohamad,

32 kerana sama-sama menerima Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) pada hari yang sama.

Mereka yang dilahirkan selang dua jam dan berasal dari Tawau berkata, bukan mudah untuk mencapai kejayaan itu apatah lagi bagi seorang ibu yang berkerjaya.

"Memang banyak cabaran kerana selain mengurus anak-anak, dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru setiap hari, pada masa yang sama saya juga seorang pelajar.

"Apa yang penting, kita harus bijak membahagikan masa untuk keluarga, belajar dan bekerja," kata Rodhiah.

Bagi penerima Anugerah Pelajar Diraja Chong Pui Lai yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian Dengan Kepujian (Pengeluaran Tanaman), kejayaannya adalah hasil sokongan dan dorongan kedua ibu bapanya.

"Saya tidak pernah mensasarkan untuk mendapat Anugerah Pelajar Diraja, apa yang penting bagi saya ialah sentiasa memberi tumpuan dalam kelas bagi memudahkan saya untuk mengulangkaji pelajaran,"

kata anak kedua daripada tiga orang adik beradik itu.

Chong yang berasal dari Ipoh berkata dia memilih bidang pertanian kerana bidang itu adalah antara yang terpenting sebagai bidang penghasilan makanan kepada masyarakat dunia.

Sementara itu bagi Mohamed Arif, 25, graduan Ijazah Doktor Perubatan, konvokesyen seumpama ini adalah lambang kejayaan para graduan namun ia bukan penamat perjuangan untuk terus belajar.

"Bagi saya, ini adalah titik permulaan untuk saya terus berusaha dan berjuang memajukan diri di peringkat lebih tinggi.

"Tiada kejayaan tanpa pengorbanan. Saya percaya tanpa pengorbanan keluarga khususnya ibu bapa, walau setinggi mana usaha kita, kemungkinan kejayaan yang dikecapai pada hari ini sukar untuk dicapai dan menghadapi pelbagai cabaran," katanya yang kini bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

-OLEH MARRYAN RAZAN